

Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio: Analisis Awal Pendengar

Mohd Shahrizal Nasir^{a*}, Muhammad Sabri Sahrir^b, Mohd Firdaus Yahaya^a

^a*Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia*

^b*Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia*

*Corresponding author: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Abstract

The teaching and learning of Arabic in Malaysia have undergone positive transformations; from its humble beginning in the madrasah and sekolah pondok (both refer to specific type of religious school) to becoming one of the main subjects in primary schools with the introduction of the j-QAF teaching module (acronym for Jawi, Quran, Arabic and Fardu Ain). In fact, the Arabic language programme is offered both at the degree and postgraduate levels in several higher learning institutions. Currently, with Malaysia becoming more technologically advanced, the teaching of Arabic language has become accessible for people of all ages and background via television, radio and the internet. This research focuses on the general public's response towards learning Arabic through radio, with particular emphasis on the listeners of a radio show entitled Al-Arabiyyah Fi Al-Radio (Arabic through the Radio) that is currently aired on Radio Malaysia TerengganuFM channel. The main objective of this preliminary study is to improve the quality of the programme through the audiences' recommendations and suggestions. This is a quantitative study of 105 respondents from a survey made available on the Al-Arabiyyah Fi Al-Radio Facebook® page and the TerengganuFM Facebook® page. The results revealed that, in their attempt to learn and master Arabic, the listeners have benefited from the content presented in the programme. Several suggestions were also made to improve the quality of learning Arabic through the programme.

Keywords: Arabic language learning; learning through radio; Al-Arabiyyah Fi Al-Radio; analysis of listeners; listening skills

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah mengalami beberapa perubahan positif. Bermula daripada sesi pembelajaran secara tidak formal di madrasah dan sekolah pondok, ia menjadi antara mata pelajaran utama bagi pelajar peringkat sekolah rendah dengan pengenalan modul pengajaran program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain). Di beberapa buah institusi pengajian tinggi pula, program pengajian bahasa Arab diperkenalkan bukan sahaja pada peringkat ijazah pertama, namun ia turut melibatkan peringkat pengajian siswazah. Selain itu, suasana semasa di Malaysia turut membuka ruang kepada masyarakat awam daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang pendidikan untuk mempelajari bahasa Arab. Hal ini disokong dengan kepesatan teknologi terkini melibatkan media massa seperti televisyen, radio dan internet. Kajian ini bertujuan untuk meninjau respons masyarakat awam khususnya yang menjadi pendengar rancangan belajar bahasa Arab menerusi siaran Radio Malaysia TerengganuFM iaitu Al-Arabiyyah Fi Al-Radio. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melakukan penambahbaikan terhadap rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio berdasarkan saranan dan cadangan daripada pihak pendengar sendiri. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif melibatkan sejumlah 105 responden. Kajian dijalankan melalui soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook® rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dan Facebook® TerengganuFM. Hasil kajian menunjukkan majoriti pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio mendapat input berguna dalam usaha mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Beberapa cadangan turut dikemukakan oleh responden kajian bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan ini.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa Arab; pembelajaran menerusi radio; Al-Arabiyyah Fi Al-Radio; analisis pendengar, kemahiran mendengar

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi pelajar daripada kalangan bukan penutur jati telah mengalami beberapa transformasi ke arah yang lebih baik. Buktinya, pelbagai kajian dan penyelidikan telah dan sedang dijalankan bagi memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sesuai dengan latar belakang pelajar serta suasana pembelajaran yang sentiasa mengalami perubahan. Di Malaysia, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah, 1989). Pada masa kini, pengajaran bahasa Arab di Malaysia berkembang pesat (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Proses perkembangan yang amat baik ini terus berlangsung sehingga kini bermula dari peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain) di sekolah rendah. Bagi peringkat tinggi pula, banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian bahasa Arab di pelbagai peringkat pengajian seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti

Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Jika dilihat perkembangan positif ini, meskipun pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah merentasi pelbagai peringkat bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, proses pembelajaran bahasa Arab masih perlu menekankan aspek kemahiran berbahasa yang hakikatnya menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran bidang bahasa. Oleh itu, dapat diperhatikan pada kajian-kajian seperti yang dijalankan oleh Abd Rauf Hassan Azhari (2005), Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2005), Zawawi Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman (2011), Ibtisam Abdullah dan Zamri Ahmad (2012), Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad dan Azman Che Mat (2013) serta banyak lagi kajian lain yang menjadikan aspek kemahiran berbahasa sebagai perkara utama yang dibincang untuk proses penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini dipelajari secara beransur-ansur dari yang paling asas dan mudah kepada kemahiran yang kompleks. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas pertama yang dipelajari oleh kanak-kanak pada peringkat awal (al-Madkur, 2001), malah ia menjadi kemahiran yang utama sebelum menguasai kemahiran-kemahiran lain (Hyslop & Ton, 1988). Abd Rauf Hassan Azhari (2005) menyatakan bahawa mendengar merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan paling kerap digunakan. Mendengar dan bercakap perlu lebih dahulu diutamakan berbanding membaca dan menulis. Prinsip ini menjadi asas penting dalam pengajaran bahasa yang mengutamakan pendekatan kemahiran mendengar (Asmah, 1984). Berkenaan dengan kemahiran berbahasa Arab secara spesifik, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2005) menyatakan bahawa kemahiran mendengar merupakan salah satu komponen penting dalam pembelajaran bahasa Arab bersama dengan kemahiran-kemahiran lain iaitu, kemahiran bertutur, membaca dan menulis.

Berdasarkan fakta tersebut, kemahiran mendengar sepatutnya diberi perhatian serius dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kemampuan pelajar menguasai kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa memerlukan bantuan daripada pihak sekeliling untuk direalisasikan. Hal ini kerana pelajar bergantung kepada pihak sekelilingnya terutama guru untuk mendapat input bahasa sebelum ia diproses dan difahami oleh minda. Menurut A. Chaedar Alwasilah dalam buku Acep Hermawan (2011) bertajuk *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*, kemampuan menguasai kemahiran mendengar dapat dicapai melalui latihan yang berterusan iaitu, dengan mendengar perbezaan bunyi unsur kata, sebutan perkataan, rangkaian ayat khususnya daripada penutur jati sesuatu bahasa sama ada secara langsung mahupun rakaman.

■ 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam suasana pengajaran dan pembelajaran semasa bagi bahasa Arab terutamanya di Malaysia, Ibtisam Abdullah dan Zamri Ahmad (2012) menyatakan bahawa kemahiran mendengar tidak begitu diberi penekanan sehingga menyebabkan para pelajar tidak menyedari kepentingan menguasai kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dalam pengajaran bahasa kedua pula, Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991) memberi pandangan bahawa ramai pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar yang baik kerana mereka tidak memberi penumpuan yang jitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Keadaan ini turut disahkan oleh Nunan (1999) yang mendapati bahawa kemahiran mendengar telah diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, sebaliknya penumpuan lebih diberikan kepada proses penguasaan kemahiran bertutur.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemahiran mendengar tidak diberi perhatian sewajarnya sama ada oleh pihak pengajar mahupun pelajar. Secara asasnya, semua pihak perlu menyedari bahawa kemahiran mendengar merupakan kemahiran paling asas dalam proses pemerolehan bahasa, malah secara mudah dapat dilihat bahawa hakikatnya setiap orang lebih banyak mendengar daripada bertutur. Kurangnya pemanfaatan sumber media dan teknologi dalam pembelajaran bahasa merupakan antara sebab kemahiran mendengar dan bertutur tidak diberi perhatian sewajarnya (Azhar Ahmad *et al.*, 2008). Para pelajar hanya mendengar pengajaran bahasa di dalam kelas daripada satu sumber iaitu guru mereka. Perkara ini sebenarnya telah lama dikenal pasti iaitu berdasarkan pandangan 'Abd al-'Alim (1978) yang menjelaskan bahawa alat bantu pengajaran seperti media sangat penting kerana ia dapat membangkitkan rasa senang dan gembira dalam diri pelajar, selain dapat meningkatkan semangat mereka dan memantapkan pengetahuan serta kemahiran bahasa Arab.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Azhar Ahmad *et al.* (2008) pula mendapati penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan teknologi pengajaran merupakan aspek yang didapati masih kurang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Hal ini menyebabkan daya tarikan dan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab terjejas (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Sebenarnya, dengan pemanfaatan teknologi, banyak sumber pembelajaran bahasa Arab yang menarik dapat dimanfaatkan dalam usaha menguasai bahasa Arab melalui penguasaan kemahiran mendengar yang baik.

Antara pendekatan pengajaran bahasa Arab melibatkan pengukuhan kemahiran mendengar ialah melalui radio. Pendekatan ini dilihat sebagai satu usaha yang merapatkan jurang pembelajaran bahasa dan teknologi semasa. Dengan pemanfaatan teknologi, suasana pembelajaran akan menjadi lebih ceria dan seronok berbanding penumpuan secara seratus peratus terhadap metode tradisional. Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2005), pemanfaatan teknologi dalam pengajaran mampu untuk mempercepatkan proses pemahaman serta mengekalkan maklumat tersebut dalam tempoh masa yang lebih lama dalam ingatan para pelajar.

Pembelajaran bahasa seperti bahasa Arab yang dijalankan melalui siaran radio dapat dikira sebagai satu inovasi dalam bidang pendidikan. Ia membuka satu dimensi baru dalam pembelajaran bahasa yang pada kebiasaannya hanya berlaku dalam ruang lingkup kelas pembelajaran. Sememangnya pembelajaran bahasa Arab melalui radio memerlukan penguasaan kemahiran mendengar yang baik agar setiap kandungan pembelajaran dapat difahami dan dikuasai dengan baik. Pada ketika ini, beberapa saluran radio tempatan dilihat berusaha mengembangkan bahasa Arab melalui siaran masing-masing antaranya, radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm), Radio Malaysia Pahang (PahangFM) dan Radio Malaysia Terengganu (TerengganuFM).

■3.0 RANCANGAN AL-ARABIYYAH FI AL-RADIO

Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio merupakan rancangan belajar bahasa Arab yang disiarkan oleh Radio Malaysia TerengganuFM. Ia mula bersiaran pada 4 Januari 2013 iaitu, pada setiap hari Jumaat mulai pukul 9.15 pagi sehingga 10.00 pagi. Rancangan yang mengambil masa selama 45 minit ini dikendalikan oleh pengacara radio TerengganuFM dan Mohd Shahrizal Nasir, pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pendidikan Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri Terengganu pada ketika itu, YB. Dato' Hj. Ahmad Razif Abd. Rahman yang kini merupakan Menteri Besar negeri Terengganu Darul Iman. Perasmian rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio telah berlangsung di Ruang Legar Kompleks Radio Malaysia Terengganu, Bukit Pak Apil pada 29 Januari 2013. Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia, YB. Dato' Hj. Ahmad Razif memuji langkah Radio Malaysia TerengganuFM dalam menyiarkan program pembelajaran bahasa kerana ia mampu meningkatkan kemampuan pendengar untuk berbahasa Arab dan Ingeris. Pelancaran rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dilakukan serentak dengan perasmian rancangan pembelajaran bahasa Ingeris iaitu, *Let's Talk* yang turut disiarkan menerusi saluran radio TerengganuFM.

Dalam laporan berita tersebut, Pengarah Penyiaran Kawasan Timur, Pn. Azizah Mohd. Yusof berkata, rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dijalankan dalam bentuk santai iaitu, komunikasi antara pengacara radio dengan tetamu jemputan yang merupakan pengajar bahasa Arab dan juga para pendengar radio. Selain itu, pendengar juga boleh berkomunikasi dengan pengajar rancangan sama ada secara langsung (*on air*) atau melalui Facebook® Al-Arabiyyah Fi Al-Radio (<https://www.facebook.com/alarabiyyahfiaradio>). Selain berkongsi ilmu bahasa Arab dengan pendengar secara langsung, iaitu ketika bersiaran, kandungan perkongsian turut dikongsi bersama para pendengar dalam laman Facebook® yang dibina khas untuk rancangan ini. Sebenarnya rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio bukan sahaja boleh diikuti oleh para pendengar dalam negeri Terengganu melalui frekuensi yang ditetapkan, malah ia boleh diikuti oleh orang ramai di luar negeri Terengganu secara atas talian (*online*), sama ada menerusi pautan laman web rasmi Radio Malaysia TerengganuFM (www.tfm.gov.my) atau laman web rangkaian radio tempatan secara atas talian. Laman web tersebut dibina secara percuma untuk kemudahan orang ramai mengikuti pelbagai saluran radio di Malaysia sama ada radio yang dikendalikan oleh kerajaan termasuk Radio Malaysia TerengganuFM mahupun pihak swasta (<http://www.liveonlineradio.net/malaysia/terengganu-fm.htm>).

Mengenai pengendali radio atau deejay (DJ) rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio, pada awal penerbitannya, ia dikendali oleh DJ Azra Farahana M. Bukhari dan DJ Noorhaniza Mat Yeh. Namun, beberapa perubahan telah berlaku iaitu DJ yang bertugas untuk mengendali rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio terdiri dalam kalangan beberapa orang DJ TerengganuFM secara bergilir-gilir. Hal ini dilihat sebagai satu usaha positif dan amat baik oleh pihak pengurusan Radio Malaysia TerengganuFM untuk memberi peluang kepada para DJ mempelajari bahasa Arab. Untuk ketika ini, pihak pengurusan sekali lagi melakukan sedikit perubahan apabila hanya seorang DJ ditetapkan untuk mengendali rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio iaitu, DJ Azim Mustapa dan rancangan ini diterbitkan oleh Pn. Farah Hj. Fauzi.

Berkenaan dengan kandungan pembelajaran rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio, perkongsian melibatkan beberapa perkara dalam pembelajaran bahasa Arab seperti tatabahasa Arab, komunikasi bahasa Arab iaitu, ungkapan-ungkapan bahasa Arab dalam perbualan harian, serta perbincangan berkenaan ayat-ayat al-Quran dan hadis dari sudut bahasa. Setiap perkongsian dipersembahkan secara santai yang melibatkan komunikasi antara pengajar, pengacara radio dan para pendengar. Bagi pembelajaran melibatkan tatabahasa Arab, ia tidak menyentuh tentang bab yang kompleks atau melibatkan perbezaan pandangan-pandangan ahli linguistik bahasa Arab, sebaliknya ia hanya berkenaan perkara asas seperti kata nama, kata kerja, partikel, *al-idafah*, *al-sifah wa al-mawsuf*, *al-zarf*, *harf al-jar* dan sebagainya. Pembelajaran tajuk-tajuk ini juga dijalankan dalam bentuk perkongsian ayat-ayat mudah dan bukan secara teori semata-mata.

Meskipun pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio memberi fokus kepada aspek komunikasi, namun tatabahasa Arab atau *al-Nahw al-'Arabi* tidak boleh dipinggirkan secara total. Menurut Muhammad 'Ali al-Khuli (1986), fungsi utama tatabahasa Arab ialah untuk memberi kefahaman yang tepat tentang makna sesuatu ayat yang dibentuk sama ada melalui penulisan mahupun pertuturan. Walid Ahmad Jabir (2002) pula menyatakan bahawa tatabahasa Arab bertujuan membantu pelajar memperkemas dan memperkukuhkan bahasa yang meliputi aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Hal ini kerana tatabahasa Arab merupakan tunjang bahasa yang perlu dipelajari, difahami, dipraktikkan dan dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

Selain itu, talian telefon radio juga dibuka sepanjang rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio berlangsung bagi membolehkan para pendengar berinteraksi dengan pengajar bahasa Arab. Dalam beberapa keadaan, pembelajaran bahasa Arab diadakan dalam bentuk penganjuran 'kuiz' yang memberi peluang kepada pendengar untuk menjawab soalan-soalan yang disediakan berkenaan tajuk-tajuk yang telah dipelajari, selain mendapat hadiah sagu hati bagi yang berjaya menjawab soalan kuiz dengan betul. Keadaan ini dilihat dapat meningkatkan motivasi para pendengar untuk terus mengikuti rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio. Pembelajaran bahasa Arab perlu dilaksanakan dengan menggunakan strategi, teknik dan pendekatan yang pelbagai. Hal ini selari dengan pandangan Zawawi Ismail *et al.* (2011) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa yang hanya berfokus kepada beberapa teknik sahaja akan mengganggu keberkesanan pembelajaran kerana setiap teknik yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri.

■4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan sorotan di atas, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti respons pendengar Radio Malaysia TerengganuFM (tfm) yang mengikuti rancangan belajar bahasa Arab Al-Arabiyyah Fi Al-Radio. Objektif kajian ini adalah sepertimana berikut:

1. Mengetahui tahap motivasi pendengar Al-Arabiyyah Fi Al-Radio tentang pembelajaran bahasa Arab.
2. Mengetahui respons para pendengar terhadap rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio.

3. Mendapat cadangan penambahbaikan rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio daripada pendengar.

5.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan borang soal selidik. Soal selidik ini dijalankan secara atas talian (*online*). Penghebahan soal selidik kepada responden dijalankan menggunakan laman sosial Facebook® berdasarkan fakta yang menunjukkan bahawa Facebook® merupakan medium popular yang digunakan secara meluas dalam dunia maya (Ellison Steinfeld & Lampe, 2007; Sharifah Sofia *et al.*, 2011). Akaun Facebook® rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dan Facebook® stesen Radio Malaysia TerengganuFM merupakan sumber utama untuk mendapatkan responden dalam kalangan para pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio. Pembukaan borang kajian soal selidik secara atas talian ini mengambil masa selama tujuh hari dengan kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden.

Borang soal selidik kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A melibatkan latar belakang responden sepertimana yang akan dinyatakan dalam Jadual 3 dan 4. Untuk bahagian B dan C, skala Likert lima tahap digunakan bagi mengenal pasti persepsi pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio terhadap pembelajaran bahasa Arab dan respons mereka tentang ciri-ciri umum pembelajaran bahasa Arab melalui media massa khususnya radio. Lima skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Berikut ialah tiga bahagian borang soal selidik kajian yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Kandungan item set soal selidik

Bahagian	Item
A	Latar belakang responden.
B	Persepsi terhadap pembelajaran bahasa Arab.
C	Respons pendengar Al-Arabiyyah Fi Al-Radio

6.0 KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN

Bagi tujuan pengesahan instrumen dalam kajian ini, para penyelidik telah menjalankan kajian rintis terhadap 26 orang responden yang terdiri daripada 15 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Kesemua responden pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, universiti atau tempat pengajian umum. Menurut Sim dan Lewis (2012), jumlah saiz sampel bagi kajian rintis adalah 50. Manakala Julious (2005) pula menyatakan bahawa saiz sampel 24 sudah memadai. Maka, saiz sampel sebanyak 26 adalah mencukupi bagi menjalankan kajian rintis. Sebelum instrumen kajian ini digunakan dalam kajian rintis, instrumen telah dinilai oleh seorang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Selepas data dikumpulkan, proses menganalisis pula dijalankan dengan menggunakan perisian data analisis iaitu Statistical Package for the Social Science (SPSS) untuk menguji skor Alpha Cronbach. Keputusan bagi ujian kebolehppercayaan ini adalah 0.924. Berdasarkan indeks kebolehppercayaan yang dinyatakan oleh Cramer (1998) dalam Jadual 2, dapatan keputusan ini adalah sangat tinggi dan boleh digunakan bagi tujuan pengumpulan data.

Jadual 2 Pengelasan kebolehppercayaan bagi skor Alpha Cronbach

Penunjuk	Skor Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90 – 1.00
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.00 – 0.30

7.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi responden menunjukkan sejumlah 105 orang responden daripada pelbagai latar belakang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 53 orang lelaki dan 52 orang perempuan. Dalam Jadual 3 dinyatakan latar belakang pengajian responden seperti berikut:

Jadual 3 Latar pendidikan responden

	Kekerapan	Peratus (%)
SPM/STPM	7	7
Diploma	42	41
Ijazah	49	45
Sarjana	6	6
PhD	1	1
Jumlah	105	100.0

Berdasarkan Jadual 3, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini terdiri daripada golongan pelajar diploma dan ijazah sarjana muda yang mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 91 orang mewakili 86.7%.

Jadual 4 Latar umur responden

	Kekerapan	Peratus (%)
16 tahun - 25 tahun	69	65.7
26 tahun - 35 tahun	28	26.7
36 tahun - 45 tahun	7	6.7
46 tahun - 55 tahun	1	1
Jumlah	105	100.0

Jadual 4 pula menyatakan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini terdiri daripada golongan yang berumur antara 16-25 tahun. Manakala hanya seorang responden sahaja daripada lingkungan umur antara 46 tahun hingga 55 tahun.

Selain itu, daripada soal selidik yang dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio terhadap pembelajaran bahasa Arab, beberapa keputusan analisis dapat dilihat sebagai petunjuk bagi mencapai objektif kajian.

Jadual 5 Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1 Saya berminat untuk mempelajari bahasa Arab.	0 (0%)	0 (0%)	10 (10%)	33 (31%)	62 (59%)
2 Saya merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab merupakan satu keperluan.	0 (0%)	1 (1%)	6 (6%)	27 (26%)	70 (67%)
3 Saya mudah untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan saya.	4 (4%)	10 (10%)	28 (27%)	47 (45%)	16 (15%)
4 Saya menggunakan bahasa Arab setiap hari.	19 (18%)	30 (29%)	39 (37%)	9 (9%)	8 (8%)
5 Sebagai Muslim, saya berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab adalah sesuatu yang penting.	0 (0%)	0 (0%)	2 (2%)	19 (18%)	84 (80%)
6 Dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat membantu saya memahami bacaan dalam ibadah harian saya.	0 (0%)	1 (1%)	0 (0%)	14 (13%)	89 (86%)
7 Sekiranya saya diberi peluang untuk belajar bahasa Arab, saya tidak akan melepaskan peluang tersebut.	0 (0%)	0 (0%)	6 (6%)	24 (23%)	74 (71%)
8 Saya suka mempelajari bahasa Arab menggunakan kemudahan teknologi.	0 (0%)	3 (3%)	15 (14%)	42 (40%)	45 (43%)
9 Saya berminat mendengar perbualan, rancangan pendidikan, lagu, syarahan dalam bahasa Arab.	0 (0%)	3 (3%)	26 (25%)	36 (34%)	40 (38%)
10 Kemahiran mendengar sangat membantu saya dalam menguasai bahasa Arab.	1 (1%)	3 (3%)	24 (23%)	41 (39%)	36 (34%)

Dapatan daripada Jadual 5 menunjukkan minat responden terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 33 orang responden memilih setuju dan 62 orang responden memilih sangat setuju. Hal ini bermakna dengan adanya minat, maka motivasi untuk mengetahui sesuatu bahasa juga akan meningkat. Menurut Azhar Arsyad (2004), faktor motivasi yang berkait rapat dengan minat ditakrifkan sebagai keinginan pelajar untuk mengetahui sesuatu bahasa. Respons para responden pada item nombor 5 menunjukkan bahawa kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab kepada individu Muslim adalah tinggi iaitu seramai 103 orang yang mewakili 98%. Manakala bagi item 8, majoriti menyatakan bahawa mereka memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab mereka iaitu 87 orang responden (83%).

Selain itu, para responden menyatakan mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mempelajari bahasa Arab dengan bilangan 74 orang responden (71%) telah memilih sangat bersetuju dan 24 orang responden (23%) memilih untuk bersetuju, manakala hanya 6% yang mewakili 6 orang responden sahaja memilih tidak pasti. Seramai 76 orang responden iaitu 72% memilih setuju dan sangat setuju tentang minat mereka untuk mendengar perbualan, rancangan pendidikan, lagu dan syarahan dalam bahasa Arab. Seterusnya, 77 orang responden atau 73% telah memilih setuju dan sangat setuju bahawa kemahiran mendengar membantu mereka untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Berdasarkan keputusan ini, ia menunjukkan bahawa kemahiran mendengar memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Menurut Ibn Khaldun (1987), pendengaran merupakan kunci kepada penguasaan kemahiran bahasa. Kemahiran mendengar boleh dipelajari dan dikuasai melalui rancangan-rancangan radio, televisyen, cakera padat atau melalui pemanfaatan teknologi terkini iaitu, melalui laman web dan seumpamanya.

Bagi item nombor 4, hanya 15 orang responden atau 15% sahaja yang memilih setuju dan sangat setuju bahawa mereka menggunakan bahasa Arab setiap hari. Manakala 49 orang responden atau 47% pula memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju, selebihnya memilih

tidak pasti iaitu, seramai 39 orang responden. Justeru, menjadi satu keperluan kepada pengajar dan para penyelidik lain untuk memberi penjelasan yang tepat dan jelas supaya para pendengar rancangan ini menyedari keterlibatan mereka sebagai penutur atau pengguna bahasa Arab setiap hari meskipun secara tidak langsung. Selain itu, majoriti daripada kalangan responden tidak menyedari bahawa mereka menggunakan bahasa Arab pada setiap hari, khususnya dalam pelaksanaan solat fardu lima waktu dan bacaan ayat-ayat al-Quran. Dalam masa yang sama, hampir semua responden iaitu seramai 104 (99%) orang bersetuju bahawa mereka dapat memahami perkataan dalam ibadah seperti yang tertera dalam Jadual 5, item nombor 6. Hal ini selari dengan pandangan Sohair Abdel Moneim (1990) dan Kamarul Shukri (2002) yang menyatakan bahawa minat untuk mempelajari dan mengkaji bahasa Arab adalah disebabkan oleh faktor agama seperti untuk memahami al-Quran dan memahami sumber agama Islam.

Jadual 6 Respons pendengar terhadap rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> membantu saya untuk menguasai bahasa Arab dengan baik.	3 (3%)	7 (7%)	26 (25%)	45 (43%)	24 (23%)
2	Bagi saya, tempoh masa 45 minit penyiaran rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> pada setiap minggu adalah mencukupi.	8 (8%)	23 (22%)	35 (33%)	30 (29%)	9 (9%)
3	Kandungan pelajaran dalam rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> bersesuaian dengan orientasi penyampaiannya melalui radio.	2 (2%)	5 (5%)	25 (24%)	45 (43%)	28 (27%)
4	Kandungan pelajaran dalam rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> bersesuaian dengan tahap penguasaan bahasa Arab saya.	1 (1%)	11 (10%)	27 (26%)	40 (38%)	26 (25%)
5	Kandungan pelajaran yang disampaikan sangat membantu saya dalam menguasai bahasa Arab.	1 (1%)	5 (5%)	27 (26%)	44 (42%)	28 (27%)
6	Pendekatan yang digunakan dalam pengendalian rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> amat membantu saya untuk menguasai bahasa Arab.	1 (1%)	10 (10%)	22 (21%)	48 (46%)	24 (23%)
7	Pendekatan yang digunakan dalam pengendalian rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> sangat berkesan.	1 (1%)	6 (6%)	26 (25%)	43 (41%)	29 (28%)
8	Perkongsian kandungan pelajaran dalam Facebook <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> amat membantu saya untuk menguasai bahasa Arab.	1 (1%)	4 (4%)	26 (25%)	44 (42%)	29 (28%)
9	Saya berpendapat, belajar bahasa Arab melalui radio dapat mengukuhkan kemahiran bahasa Arab saya.	1 (1%)	5 (5%)	23 (22%)	47 (45%)	29 (28%)
10	Saya berpendapat pengajar rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> memiliki pengetahuan yang cukup tentang pengajaran bahasa Arab.	0 (0%)	3 (3%)	15 (14%)	35 (34%)	51 (49%)
11	Saya berharap agar penyiaran rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> ini dapat diteruskan.	0 (0%)	0 (0%)	8 (8%)	30 (29%)	65 (63%)
12	Saya akan mempromosi rancangan <i>Al-Arabiyyah Fi Al-Radio</i> kepada rakan-rakan yang ingin mempelajari bahasa Arab.	0 (0%)	5 (5%)	10 (10%)	45 (44%)	43 (42%)

Jadual 6 memaparkan dapatan daripada respons para pendengar rancangan *Al-Arabiyyah Fi Al-Radio*. Data daripada item nombor 1 menunjukkan bahawa rancangan ini membantu mereka dalam usaha penambahbaikan tahap penguasaan bahasa Arab dengan 45 orang responden memilih untuk setuju dan 24 orang responden memilih sangat setuju, dan hanya 10 orang responden atau 10% sahaja memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item nombor 3, 4 dan 5 pula menunjukkan bahawa majoriti daripada responden bersetuju dengan kandungan pelajaran yang digunakan dalam rancangan ini bersesuaian dan mereka berpuas hati dengan cara penyampaian dalam rancangan tersebut, seterusnya membantu mereka untuk menguasai bahasa Arab. Hal ini dapat dilihat pada jumlah responden yang memilih untuk setuju dan sangat setuju adalah tinggi iaitu 70% bagi item nombor 3, 63% bagi item nombor 4 dan 69% bagi item nombor

5. Mereka juga berpendapat bahawa perkongsian nota dan bahan pembelajaran menerusi laman sosial Facebook® Al-Arabiyyah Fi Al-Radio juga membantu mereka dalam memahami dan menguasai bahasa Arab. Seramai 44 orang responden atau 42% telah memilih setuju dan 29 orang responden atau 28% memilih sangat setuju.

Responden turut berpendapat bahawa rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dapat mengukuhkan kemahiran bahasa Arab mereka dengan jumlah responden seramai 47 orang atau 45% memilih setuju dan 29 orang responden atau 28% memilih sangat setuju. Kebanyakan daripada responden kajian menyatakan bahawa rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio perlu diteruskan serta mereka akan turut mempromosi rancangan ini kepada rakan-rakan yang lain. Item nombor 11 dan 12 pula menunjukkan tahap motivasi dan kesediaan mereka untuk terus belajar bahasa Arab melalui media massa iaitu radio dan melalui cara pendengaran sahaja. Tidak terdapat seorang pun daripada responden yang tidak setuju atau sangat tidak setuju bagi item nombor 11, dan hanya 5 orang responden atau 5% sahaja yang tidak bersetuju pada item nombor 12.

Selain itu, para responden turut memberi beberapa komentar serta cadangan penambahbaikan rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio pada masa akan datang. Di antara komentar dan cadangan yang mereka utarakan adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7 Komentar dan cadangan responden

Cadangan/Komentar	
•	Kandungan dalam rancangan ini perlu dibukukan.
•	Perlu diluaskan ke stesen radio lain.
•	Masa ke udara perlu lebih daripada 45 minit.
•	Meluaskan frekuensi ke kawasan-kawasan yang lain.
•	Perlu ada siaran ulangan sebanyak dua kali seminggu.
•	Menggalakkan pendengar untuk berkomunikasi semasa siaran rancangan.

Hasil daripada komentar dan cadangan responden mengenai pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dan pelbagai input yang diperolehi daripada data soal selidik yang dijalankan boleh digabung jalin bagi proses penambahbaikan tatacara penyampaian dan kandungan pengajaran bahasa Arab menerusi radio. Respons positif para pendengar amat diperlukan dalam usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian dan pengendalian rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio. Hakikatnya, strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan perlu dimiliki dan difahami oleh setiap pengajar. Hal ini kerana keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada cara atau metode pengajaran yang digunakan. Jika cara mengajar sesuai dan menepati kehendak pelajar, maka ia akan membantu dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk terus berusaha memahami dan menguasai sesuatu bidang ilmu.

7.0 PENUTUP

Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan mengenai pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio, para pendengar dilihat mempunyai minat yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya melalui saluran media seperti radio. Pendekatan pembelajaran yang berbentuk inovasi dan terkini menjadi antara faktor peningkatan minat yang tinggi dalam kalangan pendengar untuk mempelajari bahasa Arab. Selain itu, pembelajaran bahasa Arab melalui radio dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pendengar. Hal ini bertepatan dengan pandangan sarjana bahasa Arab seperti yang dinyatakan dalam perbincangan di atas bahawa kemahiran mendengar merupakan kemahiran paling asas untuk menguasai bahasa Arab. Justeru, rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dilihat sebagai satu medium yang sesuai untuk mempelajari bahasa Arab melalui pemantapan kemahiran mendengar.

Selain itu, perlu dinyatakan di sini bahawa penumpuan kepada kemahiran mendengar tidak sekali-kali mengetepikan fungsi kemahiran berbahasa yang lain. Pendekatan perkongsian kandungan pembelajaran bahasa Arab melalui rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio yang dimuatkan dalam laman Facebook® tersendiri menjadi bukti bahawa rancangan ini tidak meminggirkan aspek kemahiran membaca dan menulis. Kesemua cadangan yang diberikan oleh responden adalah sangat baik bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan ini. Respons daripada pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio perlu diambil perhatian yang sewajarnya kerana ia bukan sahaja bertujuan untuk menambah baik kandungan dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, malah ia menjadi antara faktor bagi meningkatkan minat dan motivasi pendengar untuk terus mempelajari bahasa Arab menerusi rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio.

Kajian ini turut membuka ruang untuk diterokai bagi kesinambungan penyelidikan tentang keberkesanan pembelajaran bahasa Arab menerusi saluran media bukan sahaja melibatkan rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio, tetapi juga rancangan-rancangan pembelajaran bahasa Arab menerusi saluran radio-radio lain di Malaysia dan juga di peringkat global.

Rujukan

- Abd al-'Alim Ibrahim. (1978). *Al-Muwajjih al-Fanni li Mudarrisi al-Lughah al-'Arabiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Abd Rauf Hassan Azhari. (2005). Peranan Media Internet Arab dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Membaca dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Tinjauan. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 13(1), 83-92.
- Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Acep Hermawan. (2011). *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung: Rosdakarya.
- Al-Madkur, Ali. (1991). *Tadris Funun al-Lughah al-'Arabiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Syawaf.

- Asmah Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Ahmad, Hossen Marip & Morsalin Pawi. (2008). Kajian Tinjauan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah di Sarawak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6, anjuran Fakulti Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25–26 Julai.
- Azhar Arsyad. (2004). *Bahasa Arab dan Metode Pengajarannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Cramer, D. (1998). *Fundamental Statistics for Social Research: Step-by-step Calculations and Computer Techniques Using SPSS for Windows*. New York: Routledge.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The Benefits of Facebook “friends”: Social Capital and College Students’ Use of Online Social Network Sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(4), <http://jcmc.indiana.edu/vol12/issue4/ellison.html> (diakses pada 10 Oktober 2012).
- Hyslop, N. & Tone, B. (1988). *Listening: Are We Teaching It, and If So, How*. *ERIC Digest 3* (atas talian) <http://eric.ed.gov/?id=ED295132> (diakses pada 30 Oktober 2013).
- Ibn Khaldun, Abu Zayd ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun al-Hadrami. (1987). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Qalam.
- Ibtisam Abdullah & Zamri Ahmad. (2012). Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 21012 (PKEBAR’12), anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Mei.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatun Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 13(2), 81–97.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2005). *Multimedia Konsep dan Praktis*. Selangor: Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Julious, S. A. (2005). Sample Size of 12 Per Group Rule of Thumb for a Pilot Study. *Pharmaceut. Statist.*, 4, 287–291.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2002). *Kesan Tatabahasa Arab Terhadap Pengeluaran Hukum Fiqh daripada al-Quran al-Karim*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad ‘Ali Khuli. (1986). *Asalib Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Riyadh: Farazdaq.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). *Penilaian Kemahiran Mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunan, D. (1999). *Second Language: Teaching and Learning*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.
- Sharifah Sofiah, S. Z., Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Mohd. Nizam. (2011). Facebook Addiction among Female University Students. *Revista de Administratie Publica Si Politici Sociale*. 2(7), 95–109.
- Sim J. & Lewis M. (2012). The Size of a Pilot Study for a Clinical Trial Should be Calculated in Relation to Considerations of Precision and Efficiency. *Journal of Clinical Epidemiology*, 65, 301–308.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1990). *Satu Tinjauan tentang Masalah-masalah Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Malaysia Online. *Belajar Bahasa Arab, Inggeris di Radio*. http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130208/wt_01/Belajar-bahasa-Arab-Inggeris-di-radio (diakses pada 9 Ogos 2014).
- Walid Ahmad Jabir. (2002). *Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah: Mafahim Nazariyyah wa Tatbiqat ‘Amaliyyah*. ‘Amman: Dar al-Fikr li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. (1991). *Strategi Belajar yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha DTP Services.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zawawi Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(2), 67–82.